

01 JAN 2001

Mahathir-MAS (Bergambar)

PEKERJA MAS AKAN DIJAGA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan memastikan nasib pekerja Penerbangan Malaysia (MAS) terjamin walaupun selepas pengambilalihan 29.09 peratus sahamnya dari Naluri Berhad oleh kerajaan.

Perdana Menteri berkata, apabila kerajaan melaksanakan penswastaan, ia mensyaratkan bahawa pekerjaanya tidak boleh digugurkan melainkan jika mereka sendiri memilih untuk berhenti.

"Kita akan jaga, kita tak pernah mengecewakan pekerjaanya," kata beliau kepada pemberita ketika ditemui pada majlis rumah terbuka dan sambutan Tahun Baru anjuran Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Perdana Menteri berkata Malaysia tidak seperti sesetengah negara yang mengugurkan pekerja mereka selepas menswastakan sesuatu dengan alasan untuk menyelamatkan wang atau untuk lebih efisien.

Dr Mahathir berkata demikian selepas ditanya mengenai nasib pekerja MAS selepas kerajaan membeli semula pegangan saham sebanyak 29.09 peratus oleh Naluri Berhad pada 20 Dis lepas pada harga RM8.00 sesaham atau RM1.792 bilion.

Ketika ditanya siapakah yang akan menggantikan Tan Sri Tajudin Ramli yang menguasai Naluri Berhad sebagai Pengerusi Eksekutif MAS selepas pengambilalihan itu, Perdana Menteri berkata beliau tidak mengetahuinya kerana ia dikendalikan oleh Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin.

Beliau berkata penswastaan agensi-agensi kerajaan sehingga kini telah menunjukkan kejayaan seperti Telekom Malaysia dan lain-lain.

Malah, pekerja di Kelang Container Terminal (KCT) dan Northport juga telah meminta supaya diswastakan kerana ia bermakna perndapatan mereka akan bertambah selepas penswastaan.

Mengenai langkah penswastaan seterusnya, Dr Mahathir berkata, bidang yang sedang diteliti oleh kerajaan adalah mengenai pengangkutan awam di Kuala Lumpur.

Dr Mahathir berkata kerajaan terpaksa mengambil alih syarikat pengangkutan awam di Kuala Lumpur untuk menyusunnya semula bagi perkhidmatan yang lebih efisien.

Syarikat-syarikat pengangkutan awam ibu negara mengalami kerugian walaupun dibantu oleh kerajaan kerana kadar tambang yang dikenakan adalah rendah berbanding kadar kos operasi yang tinggi, kata beliau.

Dr Mahathir berkata antara langkah penyusunan semula pengangkutan awam di bandaraya berkemungkinan membabitkan kenaikan kadar tambang.

-- BERNAMA

MHI ES FAZ